

Mentadbir dengan penuh keadilan, amanah dan proaktif

Berikut disiarkan sedutan Titah Ucapan Tuanku Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah pada Persidangan Bajet 2011, Negeri Kedah Darul Aman.

BETA bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapatlah Beta dan Sultanah menghadiri Majlis Perasmian Persidangan Bajet Tahun 2011 pada hari yang berbahagia ini.

Beta bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmatnya, negeri Kedah telah selamat daripada bencana banjir baru-baru ini. Beta bersimpati kepada 60,240 orang yang menjadi mangsa banjir kali ini dan berasa sedih di atas kerosakan harta benda, tanaman, ternakan serta kemudahan awam yang dialami oleh setiap mangsa banjir.

Beta berharap semua mangsa banjir dapat bersabar dengan ujian daripada Allah SWT ini.

Di dalam Majlis ini, Beta ingin merakamkan penghargaan kepada semua kakitangan jabatan negeri dan persekutuan, badan-badan sukarela, dan lain-lain pihak yang telah saling membantu dan bekerjasama tanpa mengira sempadan agama, bangsa dan jua fahaman politik semasa negeri ini menghadapi bencana banjir baru-baru ini.

Kerjasama, pengorbanan dan bantuan yang dihulurkan adalah amat disanjung. Keadaan ini jelas menggambarkan semangat persaudaraan dan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat Beta yang berbilang kaum dalam menghadapi bencana. Namun, Beta dukacita kerana ada suara sumbang yang tidak menghargai sumbangan dan pengorbanan Kerajaan Beta serta semua pihak yang terlibat di dalam membantu mangsa banjir.

Beta sukacita dengan tindakan Kerajaan Beta menyiapkan sebuah Pelan Pembangunan Kedah Sejahtera yang akan menjadi panduan kepada semua program pembangunan ekonomi dan modal insan di negeri ini.

Perancangan yang direncanakan secara sistematik ini diharap akan menjadi landasan dalam memudahkan Kerajaan Beta merangka dan menggembelng sumber kewangan dan tenaga daripada pelbagai pihak dalam mencapai sasaran meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat.

Apa yang Beta amat harapkan ialah kerjasama erat semua pihak sama ada daripada Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, Jabatan-jabatan Persekutuan dan lain-lain syarikat GLC (syarikat berkaitan kerajaan) dan swasta untuk melaksanakan projek-projek yang telah dirancang dengan telus dan lebih tersusun.

Sebuah badan pemantauan hendaklah ditubuhkan untuk mengukur tahap pelaksanaan projek tersebut dan pada masa yang sama rakyat diberi ruang untuk menzahirkan aduan, pandangan mahupun komen serta maklumat terkini mengenai tahap kemajuan pembangunan agar perancangan yang dibuat ini dapat melahirkan suasana kehidupan yang berkualiti dan harmoni di masa hadapan.

Jelapang Makanan Negara

Keputusan Kerajaan Beta untuk menjadikan Kedah sebagai Jelapang Makanan Negara adalah tepat pada masanya. Beta menyeru agar para petani dan penternak melakukan tranformasi kaedah pertanian secara kecil-kecilan kepada

kaedah pertanian bercorak komersial dengan lebih agresif. Kerajaan Beta telah menyediakan beberapa program pertanian berskala besar yang melibatkan kerjasama GLC, syarikat swasta, petani dan penternak.

Beta sukacita dengan Inisiatif Lembaga Pertanian Muda yang melaksanakan Program Peningkatan Hasil Padi atau lebih dikenali sebagai Projek Estet Padi secara berterusan. Hasil pelaksanaan Projek Estet Padi ini telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi sebanyak 5.8 tan sehektar.

Beta merakamkan ucapan tahniah kepada Memanda Menteri Besar kerana berjaya menerajui Kerajaan Beta dengan penuh keadilan, amanah dan proaktif. Rakyat negeri ini telah diberi layanan yang adil. Hubungan antara kaum semakin erat melalui pelbagai aktiviti yang telah dijalankan.

Di samping itu, Kerajaan Beta terus maju dan menaiktaraf kemudahan prasarana pengairan dan saliran kawasan sawah padi di luar kawasan Mada sebagai cara untuk meningkatkan hasil pengeluaran. Langkah seperti ini bakal mempercepatkan program tranformasi perladangan secara skala besar yang dirancang.

Kerajaan Beta juga menjalankan ternakan akuakultur dan penanaman tanaman kontan secara berskala besar yang melibatkan peranan aktif Syarikat 'GLC' dan syarikat swasta. Dalam hal ini, Beta menyeru agar petani-petani yang berkemampuan menceburkan diri secara usahasama dalam program ini.

Menyemarak ilmu keagamaan

Dalam aspek menyemarakkan ilmu keagamaan, Kerajaan Beta telah menjalankan usaha berterusan bagi meningkatkan penguasaan dan penghayatan ilmu di kalangan Masyarakat Islam. Aktiviti-aktiviti seperti Kuliah Mingguan, Ceramah Agama, Soal Jawab Agama melalui Radio Kedah FM, Forum Perdana dan Siri Kursus telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam. Langkah yang sama juga turut dilaksanakan dalam usaha memantapkan institusi kekeluargaan Islam melalui penyebaran maklumat, khidmat nasihat, kaunseling serta khidmat nikah, cerai dan rujuk.

Selain daripada penyebaran ilmu kepada orang ramai, Kerajaan Beta turut mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemahiran kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan-jabatan Negeri, Penghulu, Majlis Ketua Kampung dan Pegawai-pegawai Masjid.

Dewasa ini, minat dan kecenderungan untuk melanjutkan pelajaran di Sekolah-Sekolah Agama semakin meningkat. Kerajaan Beta telah memperkukuhkan Maktub Mahmud dan



Menteri Besar, Ustaz Azizan Abdul Razak mengiringi Tuanku Sultan sebaik baginda selesai memeriksa perbarisan hormat.

Sekolah-Sekolah Agama milik Kerajaan Negeri bagi memenuhi pertambahan bilangan pelajar. Usaha ini tentulah memerlukan perbelanjaan yang bertambah untuk menampung kos operasi sekolah. Beta berharap ahli masyarakat yang berkemampuan tampil ke hadapan dalam menghulurkan bantuan kewangan kepada Institusi Pendidikan Islam yang kita miliki ini demi melahirkan generasi yang beriman dan bertakwa.

Di majlis ini, Beta merakamkan ucapan tahniah kepada Memanda Menteri Besar kerana berjaya menerajui Kerajaan Beta dengan penuh keadilan, amanah dan proaktif. Rakyat negeri ini telah diberi layanan yang adil. Hubungan antara kaum semakin erat melalui pelbagai aktiviti yang telah dijalankan. Beta dapati Kerajaan Negeri memberikan sepenuh daya, usaha dan kerjasama dengan semua pihak bagi memajukan negeri ini.

Memanjangkan tempoh hayat KEDA dan LADA

Atas semangat inilah, Kerajaan Beta telah bersetuju supaya tempoh hayat Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dilanjutkan untuk tempoh 10 tahun lagi. Beta berharap agar kedua-dua institusi ini akan melipatgandakan usaha bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat di samping membawa perubahan dan kemajuan fizikal.

Prestasi Negeri Kedah di dalam menerima masuk pelaburan asing adalah memberangsangkan. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2010, jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan ialah sebanyak 1.8 billion ringgit. Ini menggambarkan Negeri Kedah merupakan destinasi pelaburan yang menarik dan menguntungkan di kaca mata pelabur asing.

Beta bersyukur apabila mendapati Kerajaan Beta berjaya meningkatkan kutipan hasil pada tahun ini. Seperti yang Beta sarankan dalam ucapan Bajet tahun lalu, Kerajaan Beta akan menyediakan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat bayaran hasil.

Alhamdulillah, melalui pelbagai langkah dan wadah yang dilaksanakan, seperti pembayaran secara online, kaunter bergerak serta tindakan penguatkuasaan yang aktif oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah, ia telah memberi kesan positif kepada kutipan hasil. Ini dapat dilihat melalui pertambahan kutipan hasil tanah. Bagi tempoh sehingga Ogos 2010, Kerajaan Beta telah berjaya mengutip sebanyak RM180 juta ringgit berbanding RM155 juta ringgit bagi tempoh

yang sama pada tahun lalu.

Dalam majlis ini, Beta sekali lagi menyeru semua pihak agar dapat melaksanakan tanggungjawab membayar cukai dan mengelakkan daripada tindakan penguatkuasaan.

Beta sedar masih terdapat tunggakan permohonan tanah kerajaan. Namun, Kerajaan Beta telah mengambil tindakan proaktif untuk mempercepatkan proses kelulusan permohonan tanah. Alhamdulillah, sehingga September 2010, Kerajaan Beta telah meluluskan 3,403 permohonan tanah kerajaan yang berkeluasan 2,430.45 hektar.

Pada tahun 2011, insya-Allah Kerajaan Beta akan memproses kelulusan pengeluaran hak milik kepada 1,508 peneroka tanah Rancangan Felda yang masih belum mendapat hak milik tanah.

Kolej Universiti Insaniah

Beta sukacita dengan usaha gigih Memanda Menteri Besar untuk mengangkat status Kolej Universiti Insaniah (KUIN) sebagai Universiti yang tersohor di persada dunia. Selain membina Kampus Tetap di Kuala Ketil, Kolej Universiti Insaniah (KUIN) telah berjaya menubuhkan 47 program akademik termasuk program perubatan dan perhotelan. Pada masa ini, Kolej Universiti Insaniah (KUIN) tidak hanya memfokus dan menawarkan bidang pengajian Islam sahaja, malah bakal melahirkan cerdik pandai di dalam bidang profesional yang berteraskan prinsip dan panduan syariah.

Apa yang membanggakan Beta ialah kemasukan pelajar antarabangsa yang semakin menunjukkan peningkatan. Pada masa ini, terdapat 1,000 orang pelajar antarabangsa daripada keseluruhan pelajar seramai 6,000 orang. Selain daripada itu, Kolej Universiti Insaniah (KUIN) juga telah berjaya mewujudkan hubungan kerjasama dua hala dalam bidang akademik dengan negara asing seperti Yamen, Arab Saudi, Mesir, Turki, Indonesia dan Kazakhstan.

Beta berdoa semoga status dan kedudukan Kolej Universiti Insaniah (KUIN) akan lebih baik setelah berpindah ke Kampus Tetap pada tahun 2013 kelak.

Akhir kata, Beta merakamkan penghargaan kepada Memanda Menteri Besar dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berusaha melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan sepenuh daya. Beta berdoa semoga semangat dan iltizam Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus subur mekar ke arah memajukan negeri Kedah Darul Aman yang kita cintai ini.